

Metro

RASAI
BERITA
SEBENAR

EKSklusif
M



SUAMI DATANG JAMIN ISTERI DITANGKAP JAJA TUBUH

HANYIR LUBUK DOSA

Sarang persudatan tertua di ibu negara yang terletak di Pudu diserbu sekali lagi oleh polis Bukit Aman, kelmarin ekoran pendedahan Harian Metro sebelum ini. Serbuan mendedahkan ada antara wanita warga asing yang berurusan melacurkan diri di situ berindak mengahwini lelaki tempatan berstatus warga emas bagi membolehkan mereka tinggal di Malaysia, sekali gus mendedahkan sebab aktiviti haram di situ tidak pernah terhagup walaupun berkali diserbu. *Lapor Skuad Khas Harian Metro.*

M213

Oleh Skuad Khas
Harian Metro
am@hmetro.com.my

SUSULAN HANYIR LUBUK DOSA

Mereka **ingkari** syarat lesen!

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyiasat premis medan selera di Jalan Kalong, Pudu di sini, yang menyediakan pakej pelayan khidmat pelanggan (GRO) serta pelacuran.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh berkata, siasatan akan dijalankan susulan serbuan polis di medan selera itu.

"Kita akan mengambil tindakan mengikut bidang kuasa yang ada ke atas premis terbabit selepas siasatan dijalankan dan mendapati mereka melanggar

syarat lesen yang dikeluarkan," katanya.

Muka depan Harian Metro kelmarin (*gambar*) melaporkan polis menyerbu medan selera di Jalan Gelang dan Jalan Kalong sebelum menahan 27 orang termasuk GRO dan pelacur.

Serbuan dijalankan Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap (D7) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bu-

kit Aman itu hasil pendedahan eksklusif Harian Metro sebelum ini berkaitan kegiatan medan selera menawarkan khidmat seks serendah RM100.

Ketua Penolong Pengarah D7 JSJ Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, siasatan mendapati premis beroperasi setiap hari dari jam 12 tengah hari sehingga 10 malam.

Katanya, premis menja-

lankan perniagaan berkonsepkan restoran dan kalung bunga serta menawarkan khidmat seks kepada pelanggan restoran.

"Harga kalungan bunga mengikut warna iaitu RM50 bagi kuning, jingga (RM20) dan merah (RM10) di mana pelanggan yang ingin mendapatkan khidmat seks dibawa ke bilik sewa di kediaman sebelah premis dengan bayaran RM100," katanya.